



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN
PENGUMPULAN BARANG ELEKTRIK DAN
ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH 2024

TARIKH / MASA / TEMPAT
16 DISEMBER 2023 (SABTU)
11:30 PAGI

DEWAN MPKK BUKIT PANCHOR
NIBONG TEBAL

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam **Majlis Pelancaran Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah 2024** di Dewan MPKK Bukit Panchor, Nibong Tebal.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir dan seterusnya merasmikan majlis pada pagi ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Philip Kang Chun Keong, Pengarah Urusan Cycle Trend Industries Sdn. Bhd. yang hadir bersama pasukannya menjalin kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha kitar semula secara khususnya dan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar

di Seberang Perai secara amnya. Saya amat-amat mengharapkan agar kerjasama strategik ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan pelbagai program MBSP di Seberang Perai.

4. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media, wakil-wakil daripada pusat-pusat komuniti dan kitar semula di Seberang Perai dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
5. Saya mengucapkan Tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP yang berjaya menganjurkan Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah 2024.
6. Sisa elektrik dan elektronik atau singkatannya e-sisa atau *e-waste* merupakan sisa yang paling cepat meningkat berbanding sisa yang lain kerana kebergantungan manusia kepada peralatan elektronik untuk memudahkan kerja seharian. Di Malaysia, e-sisa adalah produk-produk elektrik dan elektronik yang lama, rosak, lapuk atau tidak lagi diperlukan lagi. E-sisa isi rumah pula adalah perkakasan

elektrik dan elektronik yang tidak lagi boleh atau ingin digunakan dan perlu dilupuskan seperti set televisyen lama, peti ais, telefon bimbit, komputer riba, pendingin hawa, mesin basuh, pemain VCD dan DVD, komputer, pengering rambut dan projektor.

7. Secara umumnya terdapat dua punca utama e-sisa iaitu daripada industri dan isi rumah. Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Berjadual) 2005, e-sisa hendaklah diurus sehingga tidak membahaya sebelum dilupuskan ke ruang alam sekitar oleh kontraktor yang diberi lesen oleh Jabatan Alam Sekitar dan dihantar ke premis yang ditetapkan sahaja. Walau bagaimanapun, peraturan yang dikuatkuasakan hanya digunakan untuk e-sisa yang dijana daripada industri tetapi tidak daripada isi rumah. Bagi e-sisa dari kawasan perumahan, belum wujud satu perundangan khusus yang mewajibkan isi rumah melupus sisa tersebut. Oleh itu, jelaslah keperluan mewujudkan pengurusan e-sisa mampan pada peringkat isi rumah adalah penting.

8. Pelupusan e-sisa dengan cara yang tidak betul akan menyebabkan implikasi negatif kepada alam sekitar dan juga manusia. Lambakan barangan elektrik dan elektronik yang banyak, akan menimbulkan isu seperti kesan kesihatan, hidupan dan pencemaran alam sekitar. E-

sisa kini telah menjadi masalah di seluruh dunia. Semakin banyak barangan elektrik dan elektronik yang dihasilkan, semakin banyak juga e-sisa yang perlu dibuang atau diuruskan. Jika e-sisa dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam seperti buang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya, e-sisa ini berupaya untuk membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar.

9. Komponen di dalam e-sisa mengandungi bahan-bahan toksik dan berbahaya seperti merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin, berlium, dan pelbagai lagi yang akan meresap ke dalam bumi dan seterusnya sumber air serta mengancam hidupan akuatik dan manusia jika e-sisa tidak dilupuskan secara mesra alam. Komponen di dalam e-sisa juga mengandungi logam berharga seperti emas, perak, tembaga, platinum dan palladium yang mempunyai nilai kitar semula yang tinggi semula.
10. Antara cara terbaik melupuskan e-sisa adalah dengan mengitar semula. Dengan perkembangan teknologi, pelupusan e-sisa tidak lagi sukar. Terdapat banyak syarikat mesra alam di Malaysia yang mengkhusus dalam pelupusan e-sisa dan prosesnya dipermudahkan

demi kebaikan masyarakat seluruhnya. Keberadaan peralatan elektronik apabila menjadi sisa juga bergantung kepada tingkah laku pengurusan e-sisa isi rumah seperti guna semula, derma dan kitar semula yang merupakan tiga amalan tingkah laku yang dapat mewujudkan pengurusan e-sisa secara mampan.

11. Barangan Elektrik dan Elektronik Terpakai dan sisa berbahaya telah muncul sebagai cabaran baru Pihak Berkuasa Tempatan dari segi pengumpulan dan pelupusan. Pada hakikatnya, barang-barang ini perlu dikendalikan secara berbeza dengan sampah domestik yang lain kerana sifat sampah yang berbahaya. Oleh itu, masalah ini harus ditangani oleh MBSP untuk melaksanakan peraturan baru bagi memelihara alam sekitar. Pelan Tindakan yang telah digariskan MBSP untuk menangani Sisa Elektronik dan Sisa Merbahaya adalah:-
 - i. Menyediakan pusat pengumpulan e-sisa agar sisa-sisa elektrik dan elektronik dibuang dengan betul di pusat pemprosesan yang dibenarkan.
 - ii. Mengenalpasti syarikat swasta yang mampu melakukan usahasama dengan MBSP untuk melaksanakan aktiviti pemprosesan e-sisa.

- iii. Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan melibatkan pihak berkepentingan mengenai pelaksanaan CSR dalam menangani e-sisa di Seberang Perai.
- iv. Pelaksanaan *Extended Producer Responsibility* (EPR) dengan berkerjasama dengan syarikat swasta dalam pelaksanaan EPR di Seberang Perai.

12. Hari ini MBSP bersama-sama dengan Cycle Trend Industries Sdn. Bhd. menganjurkan Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah Seberang Perai 2024 dalam usaha untuk melibatkan serta menggalakkan pusat-pusat kitar semula komuniti dalam usaha mengumpul dan melupuskan barangan elektrik dan elektronik terpakai isi rumah mengikut kaedah yang telah ditetapkan dan tidak dibuang terus ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung. Matlamat utama Pertandingan Mengumpul Barang Elektrik dan Elektronik terpakai Isi Rumah Seberang Perai 2024 adalah untuk:-

- i. Menggalakkan pusat kitar semula komuniti mengumpul barang elektrik dan elektronik terpakai isi rumah.
- ii. Memastikan pelupusan barang elektrik dan elektronik terpakai dilaksanakan secara lebih sistematik dan baik.

iii. Memberi insentif kepada pusat kitar semula yang mengadakan kempen pengumpulan barang elektrik dan elektronik terpakai melalui pemberian hadiah

13. Pertandingan ini terbuka kepada semua pusat kitar semula di Seberang Perai. Tempoh pertandingan adalah bermula pada Januari 2024 sehingga Disember 2024. Buangan e-sisa isi rumah yang dikumpul akan ditimbang, dijual dan dilupus oleh syarikat yang berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar. Hadiah wang tunai bulanan (RM200.00/bulan berjumlah RM 2,600.00) bagi pusat kitar semula yang menyertai pertandingan ini dan memperolehi kutipan *e-waste* terberat bagi setiap bulan. Hadiah wang tunai bulanan ini akan diberikan setiap bulan berdasarkan laporan bulanan yang dikemukakan kepada MBSP. Penilaian adalah berasaskan berat barang yang dikumpul. Hadiah-hadiah bagi pertandingan akhir ialah seperti berikut:-

Johan : RM1,000.00

Naib johan : RM900.00

Ketiga : RM800.00

Keempat : RM700.00

Kelima : RM600.00

Keenam : RM500.00

Ketujuh : RM400.00

10 hadiah sugu hati : RM250.00 setiap satu

Hadiah wang tunai bulanan berjumlah RM 2,600.00 dan hadiah bagi pertandingan akhir kutipan e-waste sebanyak RM7,400 adalah jumlah keseluruhan hadiah berjumlah RM10,000.00 yang ditaja oleh Syarikat Cycle Trend Industries Sdn. Bhd.

14. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua pusat kitar semula yang bertanding. Program pada pagi ini amat bermakna buat kita semua kerana ianya merupakan satu usaha yang perlu dilihat dari sudut positif untuk bersama-sama ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, iaitu memulihkan ekosistem di bumi kita yang tercinta ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada program petang ini.

15. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan penggunaan MBSP *Smart Consumption Model* bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production and*

Climate Action, serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.